



BERNAMA - MY

Country Rank	 893	Category	News and Media
Monthly Page Views	805.636 views	Bounce Rate (%)	7600.00 %
Unique Visitors	464.437 visitors	Description	malaysian national news agency your trusted news source, always the first in providing your trusted news source

Article Details

Campaign	LHDN	Ad Value	MYR 10,691
Date	22 Oct 2024 - 13:28:41	PR Value	MYR 32,073
Media	BERNAMA - MY	Topic	- Institutions - Enterprise - Product - Financing - Constitution - Leader - Promo - Government - Monitoring - Social Assistance - Account - Program Campaign - Education - Banking - Figure - Contribution - Community - Registration - Awards
Country	Malaysia		
Language	Malay		
Journalist	Anonymous		
Total Character	3,418 Characters		
Sentiment	Positive		
Spokesperons	- Negeri Mohamad Razli Mohamad Ali - Negeri Mohamad Razli Mohamad Ali		

- A diagram consisting of two light blue rectangular boxes. The left box is labeled "Health Workers" and the right box is labeled "Collaboration". A double-headed arrow connects the two boxes, indicating a reciprocal relationship between them.

Proses Audit Penting Pastikan Ketepatan Laporan Kewangan, Patuh Undang-Undang Cukai - LHDNKUALA LUMPUR, 22 Okt (Bernama) -- Proses pengauditan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bukan bertujuan membebankan pembayar cukai, sebaliknyaKUALA LUMPUR, 22 Okt (Bernama) -- Proses pengauditan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bukan bertujuan membebankan pembayar cukai, sebaliknya

KUALA LUMPUR, 22 Okt (Bernama) -- Proses pengauditan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bukan bertujuan membebankan pembayar cukai, sebaliknya bagi memastikan ketepatan laporan kewangan dan pematuhan undang-undang cukai, selain berperanan mengekalkan integriti sistem percukaian.

Pengarah Bahagian Perhubungan Awam dan Multimedia Jabatan Khidmat Korporat Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Mohamad Razli Mohamad Ali berkata proses itu juga membolehkan pihaknya mengesan ketidakpatuhan termasuk kes-kes pelarian cukai, pengisytiharan pendapatan yang kurang daripada sepatutnya atau tuntutan potongan dan pelepasan yang tidak sah.

"Ramai pembayar cukai menganggap audit sebagai sesuatu yang menakutkan, namun dengan persiapan dan komunikasi yang baik, proses itu dapat diatasi dengan tenang," katanya ketika menjadi tetamu program Klinik Cukai di Bernama Radio, hari ini.

Beliau berkata kebiasaannya pengauditan dilakukan apabila terdapat percanggahan dalam laporan pendapatan atau perbelanjaan seperti pendapatan yang dilaporkan tidak selaras dengan maklumat yang diterima daripada pihak ketiga seperti majikan atau bank.

Ini biasanya terjadi apabila pembayar cukai melaporkan pendapatan yang lebih rendah daripada jumlah sebenar, termasuk pendapatan sampingan yang tidak dilaporkan kepada LHDN.

“Selain itu pembayar cukai yang melaporkan perbelanjaan atau tuntutan pelepasan cukai yang terlalu tinggi tanpa bukti yang mencukupi atau menuntut potongan atau pelepasan yang tidak sah seperti menuntut potongan sumbangan kepada organisasi yang tidak berdaftar atau tidak diiktiraf oleh LHDN,” katanya.

Mohamad Razli berkata pembayar cukai yang tidak menghantar borang nyata cukai pendapatan dalam tempoh yang ditetapkan juga termasuk dalam senarai untuk dilakukan audit, terutama pemeriksaan terhadap rekod kewangan pembayar cukai.

Sehubungan itu beliau menyarankan pembayar cukai untuk memahami kandungan notis audit dengan mengenal pasti maklumat penting seperti tahun taksiran yang terlibat untuk semakan; jenis kesalahan; dokumen yang diperlukan; tempoh maklum balas; dan maklumat pegawai audit untuk dihubungi bagi memberi maklum balas.

“Sekiranya LHDN tidak menerima maklum balas daripada pembayar cukai dalam tempoh yang ditetapkan, mereka dianggap tidak mempunyai bukti dan tidak layak dibenarkan tuntutan. Mereka boleh dikenakan penalti bergantung kepada kesalahan mengikut Akta Cukai Pendapatan 1967.

“Pembayar cukai akan menerima Notis Taksiran Tambahan dan dikehendaki membayar cukai yang telah ditetapkan,” katanya sambil menambah tempoh audit berbeza bergantung kepada jenis dan kerumitan kes.

Beliau berkata bagi pembayar cukai berpendapatan selain penggajian dan syarikat, ia berkemungkinan akan melibatkan masa yang agak lama bergantung kepada kerjasama daripada pihak pembayar cukai dan jenis dokumen yang akan diaudit.

"Jika perniagaan atau urusan cukai adalah rumit, mendapatkan khidmat ejen cukai yang bertauliah boleh membantu untuk memastikan semua dokumen cukai adalah lengkap dan mengikut undang-undang, manakala bagi pembayar cukai individu atau perniagaan kecil dengan rekod cukai yang mudah dan tidak rumit, audit boleh diuruskan oleh mereka sendiri namun semua rekod dokumen yang berkaitan perlu disimpan dengan baik," katanya.

```
-- BERNAMAgit
```